

04/05/2005

Mubarak-Mahathir

MAJLIS KHAS RAIKAN DR MAHATHIR DI PERAK 23 OGOS INI

KOTA KINABALU, 4 Mei (Bernama) -- Bekas Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad akan diraikan oleh Majlis Bekas Wakil Rakyat (MUBARAK) Malaysia dalam satu majlis khas yang akan diadakan di Perak pada 23 Ogos ini.

Presiden MUBARAK Datuk Abdul Razak Alias berkata majlis yang bertemakan "Budi Disanjung Jasa Dijunjung" itu merupakan pernyataan tertinggi rakyat negara ini khususnya bekas-bekas wakil rakyat Barisan Nasional (BN) yang pernah berkhidmat di bawah kepimpinan Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri selama 22 tahun.

"Ini adalah antara kegiatan yang kami rancang untuk mengenang jasa yang dicurahkan oleh Dr Mahathir kepada rakyat dan negara.

"Tidak dinafikan, beliau (Mahathir) telah meletakkan Malaysia sebagai antara negara Dunia Ketiga yang menonjol dan maju dalam semua aspek melalui kepimpinan beliau yang berpandangan jauh dan berjiwa rakyat," katanya pada sidang media di sini hari ini.

Abdul Razak berkata Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak dijadual menghadiri majlis itu yang turut menjemput semua menteri besar dan ketua menteri.

Mengenai MUBARAK, beliau berkata ia mempunyai 12 cawangan di seluruh negara kecuali di Sarawak, dan urusan menubuhkan cawangan di Sarawak kini sedang dalam proses.

MUBARAK yang ditubuhkan pada 30 Okt 1998, kini mempunyai hampir 1,000 anggota yang terdiri daripada bekas wakil rakyat di Dewan Rakyat, Dewan Negara dan dewan-dewan undangan negeri.

Abdul Razak berkata ramai lagi bekas wakil rakyat yang belum menyertai MUBARAK dan berharap mereka akan berbuat demikian bagi memantapkan lagi keanggotaan persatuan itu.

Semalam, seramai 37 anggota MUBARAK mengadakan kunjungan hormat terhadap Yang Dipertua Negeri Tun Ahmadshah Abdullah di Istana Negeri.

-- BERNAMA

NT KHY